## JABATAN TENAGA MANUSIA,
## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan *eP enabled* bagi menyertai tender berikut**:**

| NO. SIRI TENDER | TAJUK TENDER | KOD PENDAFTARAN BIDANG | TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH TUTUP DAN TEMPAT MENGHANTAR DOKUMEN TENDER |
|---|---|---|---|---|
| KSM/JTM/TENDER/ 03/2018 | Tender Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji-guna dan Pentauliahan Peralatan Latihan dan Peralatan ICT Ke Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia | 130101 dan 210101 dan 210103 | **Tarikh/Masa Taklimat :**<br>30 April 2018 (Isnin)<br>9.00 pagi (Pendaftaran)<br>10.00 Pagi (Taklimat)<br><br>**Tempat Taklimat :**<br>Dewan Kuliah Utama, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur, Jalan Kuchai Lama, W.P.Kuala Lumpur<br><br>Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**<br><br>**Harga Dokumen : RM80.00**<br>**Harga Dokumen & Cakera Padat/CD : RM90.00**<br><br>**Tarikh/Masa Penjualan Dokumen :**<br>2 hingga 15 Mei 2018 (Rabu hingga Selasa) jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang sahaja<br><br>**Tempat Penjualan Dokumen Tender:**<br>**Urusetia Tender Jabatan Tenaga Manusia, Aras 6, Blok D4, Kompleks D, 62530, Putrajaya** | **Tarikh Tutup:**<br>22 Mei 2018 (Selasa)<br>12.00 tengah hari<br><br>**Tempat Penyerahan Dokumen Tender :**<br><br>**Jabatan Tenaga Manusia, Aras 6, Blok D4, Kompleks D, 62530, Putrajaya**<br><br>**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** |

2. Sesi taklimat tender yang akan diadakan kepada petender adalah **DIWAJIBKAN. HANYA PENAMA** dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dibenarkan menghadiri taklimat dan hanya dua (2) wakil yang sah sahaja dibenarkan untuk menyertai sesi taklimat ini. Kegagalan syarikat untuk menghadiri taklimat tersebut akan mengakibatkan syarikat **TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTAI TENDER.** Kegagalan syarikat untuk mendaftar pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat **DILARANG UNTUK MENYERTAI SESI TAKLIMAT**. Syarikat hendaklah mengemukakan Salinan Asal dan salinan fotostat (tidak dikembalikan) Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan dan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan (jika ada).

3. **Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*), dan dibayar atas nama "KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA". WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK BOLEH DITERIMA.**

4. Kementerian Sumber Manusia tidak terikat untuk menerima tawaran terendah dan berhak membatalkan, menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut. Kementerian tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos.

5. Tawaran tender yang dikemukakan (Secara Manual) **selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urus setia tender di talian 03-8886 2481/03-8886 6480 atau email kepada tenderjtm@mohr.gov.my.